

Malaysia, Arab Saudi kumpul maklumat serangan Mosul
Free Malaysia Today
Okt 20, 2016

Datuk Seri Hishammuddin Hussein akan berjumpa rakan sejawatnya bagi membolehkan kerajaan mengambil tindakan proaktif dalam memastikan keselamatan negara dan rantau Asean terjamin.

KUALA LUMPUR: Malaysia akan mengadakan pertemuan dengan Arab Saudi pada masa terdekat bagi mendapatkan maklumat terkini serangan tentera bersekutu di kubu kuat IS di Mosul, Iraq, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

Katanya, beliau akan berjumpa rakan sejawatnya dan Timbalan Putera Mahkota Mohammed Salman Al-Saud, bagi membolehkan kerajaan mengambil tindakan proaktif dalam memastikan keselamatan negara dan rantau Asean terjamin.

Hishammuddin berkata beliau menghubungi Timbalan Putera Mahkota berkenaan bagi mengetahui perkembangan situasi terkini berhubung serangan itu.

“Saya akan ambil kesempatan berjumpa dengan beliau untuk berkongsi maklumat pada bulan depan atau dalam masa terdekat.

“Jangan ingat apa yang berlaku di sana (Mosul) tiada kaitan dengan kita di rantau Asean,” katanya kepada pemberita di lobi Parlimen di sini, hari ini.

Beliau berkata perkongsian maklumat itu penting bagi membolehkan persediaan dan perancangan rapi dilakukan terutama bagi mengetahui berkenaan individu terlibat dengan kumpulan militan IS yang melarikan diri dari Mosul.

Hishammuddin berkata Malaysia juga akan bekerjasama dengan negara Asean termasuk Indonesia dan Filipina khususnya, dalam memantau pergerakan anggota militan IS.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/10/20/malaysia-arab-saudi-kumpul-maklumat-serangan-mosul/>